

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 15 April 2021



**KENYATAAN MEDIA
BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA
FEBRUARI 2021**

**Pengeluaran getah asli
meningkat 9.0 peratus pada Februari 2021**

PUTRAJAYA, 15 April 2021 – Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 9.0 peratus pada Februari 2021 kepada 49,840 tan metrik berbanding 45,735 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan penurunan 0.1 peratus.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Eksport getah asli Malaysia berjumlah 54,632 tan metrik pada Februari 2021, meningkat sebanyak 13.5 peratus berbanding 48,125 tan metrik pada Januari 2021." China terus kekal sebagai destinasi utama eksport getah asli menyumbang 40.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Februari 2021 diikuti Belgium (12.6%), Jerman (8.4%), Finland (3.9%) dan Amerika Syarikat (2.7%). Sarung tangan getah merupakan item eksport utama dengan nilai eksport RM5.8 billion pada Februari 2021, meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding Januari 2021 (RM5.6 billion). Amerika Syarikat mendahului sebagai negara pengimport tertinggi sarung tangan getah diikuti Jerman dan China.


Stok getah asli meningkat pada Februari 2021 kepada 286,117 tan metrik berbanding 280,841 tan metrik pada Januari 2021 dengan peningkatan 1.9 peratus.

Harga purata bagi Lateks Pekat merekodkan peningkatan kepada 587.91 sen sekilogram berbanding Januari 2021 (550.26 sen sekilogram). Getah Mutu Malaysia 20 (G.M.M. 20) turut menunjukkan peningkatan kepada 672.68 sen sekilogram berbanding 628.58 sen sekilogram bagi tempoh yang sama.

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan bahawa penggunaan getah asli di peringkat domestik pada Februari 2021 ialah 44,697 tan metrik, menurun sebanyak 5.1 peratus berbanding bulan sebelumnya. Penggunaan getah asli dalam industri pembuatan sarung tangan getah terus mendahului dengan penggunaan sebanyak 34,764 tan metrik atau 77.8 peratus daripada jumlah penggunaan domestik pada Februari 2021.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Pengeluaran, eksport, import, penggunaan domestik dan stok bulanan bagi getah asli 2020-2021



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 APRIL 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, April 15th 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
FEBRUARY 2021**

***Production of natural rubber
increased 9.0 per cent in February 2021***

PUTRAJAYA, April 15, 2021 – Production of natural rubber increased 9.0 per cent in February 2021 to 49,840 tonnes as compared to 45,735 tonnes in the previous month. On the contrary, year on year comparison showed a decrease of 0.1 per cent.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "Exports of Malaysia's natural rubber amounted 54,632 tonnes in February 2021, an increase of 13.5 per cent as against 48,125 tonnes in January 2021". P.R. China remains as the main destination for natural rubber exports with share 40.5 per cent of total exports in February 2021 followed by Belgium (12.6%), Germany (8.4%), Finland (3.9%) and U.S.A (2.7%). Rubber gloves was the main export item with export value RM5.8 billion in February 2021, an increase of 3.9 per cent as compared to January 2021 (RM5.6 billion). U.S.A led as the highest importer of rubber gloves followed by Germany and China.

The stocks of natural rubber increased in February 2021 to 286,117 tonnes as compared to 280,841 tonnes in January 2021 with an increase of 1.9 per cent.


"Average price of Latex Concentrate recorded an increase of 587.91 sen per kilogramme as compared to January 2021 (550.26 sen per kilogramme). Standard Malaysian Rubber

20 (S.M.R. 20) also increased to 672.68 sen per kilogramme as compared to 628.58 sen per kilogramme for the same period”, he said.

The Department of Statistics, Malaysia also reported that domestic consumption of natural rubber in February 2021 was 44,697 tonnes, a decrease of 5.1 per cent as compared to the previous month. The use of natural rubber in rubber glove manufacturing industry continues to lead with the use of 34,764 tonnes or 77.8 per cent of the total domestic consumption in February 2021.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Monthly production, exports, imports, domestic consumption and stocks of natural rubber 2020-2021



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 APRIL 2021